

Gunakan pekerja tempatan

MINGGUAN: Boleh anda terangkan situasi sebenar keadaan ekonomi semasa dari pandangan MEF sebagai persatuan yang mewakili pihak majikan?

SHAMSUDDIN: Kalau melihat pada masalah ekonomi sekarang ini kesannya agak mendalam berbanding dengan krisis pada 1997 dan ketika itu masalah hanya di Asia Pasifik dan berkaitan dengan spekulasi kewangan di mana Ringgit jatuh mendadak jika dibandingkan dengan mata wang asing sekali gus menjelaskan keupayaan kita membuat barang untuk dieksport kerana barangan mentah menjadi mahal.

Namun untuk pasaran eksport tidak ada masalah kerana ketika itu pasaran ke Amerika Syarikat (AS) dan Eropah tidak terjejas tetapi sekarang keadaannya adalah berlainan kerana semua pasaran eksport kita ini mempunyai masalah kerana ekonomi mereka mengalami penguncupan. Oleh yang demikian barang yang dibuat di sini tidak boleh dieksport ke negara-negara berkenaan kerana kurangnya permintaan. Ini menjelaskan keupayaan syarikat kita untuk terus bertahan dan ada sesetengah syarikat tidak mendapat permintaan untuk tiga bulan pertama tahun ini.

Ini menunjukkan betapa seriusnya keadaan ekonomi. Sektor pembuatan seperti elektronik memang menghadapi masalah cumananya keadaan ekonomi Malaysia agak baik kerana sistem perbankan kita telah diperkuuhkan dan lebih besar.

Satu lagi faktor yang menyumbang kepada kekuhan ekonomi kita ialah sektor pertanian dan perlindungan. Walaupun ketika ini harga getah dan kelapa sawit menurun namun syarikat masih mampu bertahan dan tidak begitu rugi jika dibandingkan dengan sektor pembuatan.

Bila keadaan ekonomi semakin gawat sekarang, ini menjelaskan keupayaan syarikat untuk terus beroperasi dan mengelakkan pekerja. Oleh itu terdapat syarikat yang terpaksa membuang pekerja untuk mengurangkan kos operasi kerana permintaan untuk operasi semakin berkurangan dan ini menjelaskan pendapatan syarikat.

Berapa ramai pekerja yang telah diberhentikan setakat ini dan berdasarkan pemerhatian MEF berapa ramai lagi akan menerima nasib yang sama?

SHAMSUDDIN: Dari Oktober tahun lepas sehingga 21 Januari lalu kira-kira 13,000 pekerja telah diberhentikan kerja. Ini adalah fakta sebenar yang diterima MEF setakat ini. Kegawatan ekonomi mula dirasai pada bulan Oktober bermula dengan peningkatan harga petrol yang mendadak ketika itu yang mengakibatkan banyak industri terpaksa menyemak semula perjalanan perniagaan mereka.

Sebenarnya jumlah ini hanya permulaan sahaja. Adalah diharapkan pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan tidak lama lagi dapat dilaksanakan sepenuhnya pada kadar segera. Adalah tidak mustahil jumlah ini akan meningkat kepada lebih 200,000 pekerja menjelang hujung tahun ini jika masalah ekonomi ini tidak ditangani segera.

Berdasarkan krisis ekonomi pada 1997, kira-kira 85,000 pekerja telah diberhentikan. Ketika itu masalah ekonomi hanya melanda negara-negara di Asia Pasifik akibat krisis mata wang namun ketika ini kita berhadapan dengan krisis ekonomi global. Seluruh dunia mengalami masalah yang sama dan bukan hanya di sesetengah negara seperti 1997.

Ditambah pula dengan jumlah graduan yang tamat belajar mencecah lebih 100,000 orang pada setiap tahun, jumlah mereka yang menganggur akan turut meningkat. Berdasarkan perkiraan tahun 2005, kita anggarkan ada penambahan dua peratus atau lebih 500,000 pekerja baru memasuki alam pekerjaan. Masalahnya adakah kita dapat menyerap mereka ini ke dalam pekerjaan? Ini belum ditambah dengan mereka yang ditamatkan perkhidmatan.

Ada yang berpandangan masalah ekonomi yang kita hadapi ketika ini adalah tiga kali lebih besar dari krisis 1997. Malah Bill Gates menyatakan pemulihan sepenuhnya ekonomi kali ini mungkin mengambil masa 10 tahun. Oleh itu jumlah mereka yang hilang pekerjaan mungkin mencecah 200,000 orang, namun ini hanyalah satu kemungkinan dan jumlah ini

MUKADIMAH

KEGAWATAN ekonomi yang melanda dunia sekarang dikatakan paling buruk sejak "The Great Depression" (Kegawatan Besar) yang berlaku pada 1929 dan ia mengambil masa 10 tahun untuk kembali pulih sepenuhnya. Bill Gates sebelum ini pernah menyatakan kegawatan ekonomi kali ini akan mengambil masa yang sama untuk pulih. Setakat ini, jumlah pekerja yang dibuang kerja mepcah 13,000 orang dan jumlah ini dijanjka bertambah hingga 200,000 jika tindakan pantas tidak dilakukan segera. Bagaimanapun bagi Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) Shamsuddin Bardan, beliau berpendangan terdapat hikmah yang boleh dipelajari dari krisis kali ini. Dalam wawancara bersama wartawan Mingguan Malaysia, **AMRAN AHMAD** dan **HAFIZAHRIL HAMID**, beliau menyarankan kerajaan, majikan dan pekerja perlu bekerjasama dengan erat dalam menangani dan mengurangkan kesan krisis ekonomi kali ini. "Kita perlu melihat kepada kesan positif di sebalik krisis kali ini iaitu jika ditangani dengan berkesan masalah lambakan pekerja asing, pekerja tempatan boleh mengisi kekosongan yang ditinggalkan mereka sekali gus masalah pengangguran akan dapat diatasi," katanya.

telah mengambil kira pakej rangsangan ekonomi yang akan dilaksanakan. Saya sangat berharap mereka yang hilang pekerjaan tidak mencecah jumlah yang dinyatakan tadi.

Oh itu saya sangat bersetuju dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya pihak berkusa tempatan memudahkan pengeluaran lesen dan permit kepada para peniaga yang berminat untuk berniaga. Jika kita lihat warga asing bukan sahaja bekerja tetapi ramai daripada mereka yang berniaga di negara ini seperti yang kita lihat di Chow Kit dan Kampung Baru.

Jika kerajaan bertindak tegas terhadap mereka dan memberi peluang kepada penduduk negara ini yang berminat berniaga melalui perolehan permit, lesen dan pinjaman yang lebih mudah, jumlah pengangguran ini dapat dikurangkan seminima mungkin sekali gus menggalakkan orang ramai berdikari.

Kerajaan juga perlu tegas dengan menghantar balik pekerja asing bagi mengelak pengangguran di kalangan penduduk tempatan. Rakyat negara ini juga tidak seharusnya terlalu memilih pekerjaan dan perniagaan terutama dalam sektor pertanian kerana sektor ini merupakan entiti perniagaan yang masih boleh bertahan. Banyak barang pertanian dan perlindungan yang masih kita import dan mengapa kita perlu mengimport barang seperti bawang dan buah-buahan yang ada permintaan jika kita boleh menghasilkannya.

Apa cadangan yang boleh diberikan oleh MEF kepada pihak kerajaan dan pekerja bagi mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi sekarang?

SHAMSUDDIN: Nasihat kami kepada ahli-ahli MEF dan majikan keseluruhannya ialah supaya tidak bertindak membuang pekerja sebagai pilihan pertama untuk

mengurangkan kos. Pertamanya, kita telah mendengar gesaan dari kerajaan agar majikan mengurangkan hari dan waktu bekerja.

Tetapi masalahnya di sini ialah jika majikan mengurangkan jam bekerja dalam sehari atau hari bekerja dalam seminggu adakah majikan boleh mengurangkan pembayaran gaji mereka secara berkadar berdasarkan kerja-kerja yang tidak dilakukan? Dari segi perundangannya agak kabur sama ada majikan mempunyai hak berkenaan.

Apa yang diberitahu oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat, Datuk Ismail Abdul Rahim, syarikat boleh mengurangkan hari atau jam bekerja dengan syarat pekerja setuju dengan langkah ini. Ini akan menimbulkan masalah kerana sebagai contoh jika syarikat mempunyai 2,000 orang pekerja, syarikat terpaksa bertemu dengan kesemua pekerja bagi mendapatkan persetujuan mereka. Mungkin ada di antara pekerja yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan langkah ini. Oleh itu bagaimana kita boleh melaksanakan langkah berkenaan?

Di sini apa yang pihak MEF harapkan ialah Kementerian Sumber Manusia membuat perundangannya yang lebih jelas agar syarikat boleh mengurangkan hari atau jam bekerja dan boleh mengurangkan pembayaran gaji secara berkadar berdasarkan kerja yang dilakukan. Oleh itu jika ada peruntukan undang-undang sedemikian, masing-masing tahu apa yang perlu dilakukan bagi membantu mengelak pemberhentian pekerja. Namun keburuan undang-undang menyukarkan majikan kerana kami mahu membantu kerajaan dengan mengelakkan pemberhentian pekerja namun kami dibebani dengan masalah perundangan. Kami sangat berharap kerajaan dapat bertindak pantas membuat undang-undang yang diperlukan supaya semua pihak faham hak dan tanggung-jawab mereka dalam menangani masalah kegawatan ekonomi sekarang.

Satu lagi masalah ialah apabila majikan meminta pekerja mengambil cuti yang lebih lama bagi mengurangkan kos operasi seperti pada Tahun Baru Cina baru-baru ini. Namun majikan diberitahu oleh Jabatan Tenaga

Rakyat mereka tidak boleh meminta pekerja mengambil cuti untuk tujuan berkenaan. Jika dua perkara ini tidak diper mudahkan, hasrat murni pihak majikan untuk membantu negara dengan mengekalkan pekerja dalam perkhidmatan akan terbantut kerana tidak mendapat kerjasama dari pihak kerajaan dan kerajaan.

Saya merasakan daripada tidak ada kerja langsung lebih baik ada kerja walaupun hanya separuh dari kerja asal. Ini sekurang-kurangnya mampu menampung keperluan dan kehidupan pekerja walaupun hanya separuh daripada tidak ada langsung. Bagi pihak majikan pula apabila ekonomi kembali pulih mereka telah bersedia dengan pekerja mahir untuk memenuhi kehendak pasaran ketika itu. Saya berharap jika langkah ini dapat dilaksanakan kita akan mencapai situasi semua menang kerana ia memberi faedah kepada semua pihak iaitu kerajaan, majikan dan juga pekerja.

Satu lagi kami juga meminta kerajaan membantu pihak majikan dengan mengurangkan kos operasi berkaitan kos-kos yang kita bayar kepada kerajaan contohnya dengan menyemat semula tarif elektrik yang dinaikkan pada Julai lepas. Pihak MEF bukan hanya meminta kerajaan menyemat semula tarif ini bagi pihak syarikat tetapi juga melibatkan pengguna. Jika semakan semula ini dilaksanakan ia bukan sahaja memberikan lebihan wang kepada pihak syarikat tetapi juga kepada pengguna supaya mereka dapat membela jangan lebihan wang ini bagi merancangkan ekonomi dalam negara.

Ini kerana seluruh dunia kini dilanda masalah ekonomi dan kebanyakan negara yang sebelum ini merupakan pengimpor utama tidak mampu lagi membeli barang kita sekali gus mengakibatkan ekonomi kita menguncup. Oleh itu kita sendiri yang perlu merancangkan ekonomi dalam negara. Pihak MEF juga mencadangkan kepada kerajaan agar mengurangkan caruman majikan kepada KWSP dari 12 peratus sebelum ini kepada 10 peratus supaya lebihan wang ini boleh digunakan oleh syarikat untuk melabur semula dan merancangkan lagi kegiatan ekonomi.

Lambakan pekerja asing jika ditangani dengan berkesan merupakan antara jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah kekurangan pekerjaan di negara ini. Apakah MEF yang mewakili majikan merasakan ia satu keperluan memandangkan sektor industri sangat bergantung kepada mereka?

SHAMSUDDIN: Dalam menangani lebihan pekerja asing sebenarnya kemelesetan ekonomi yang berlaku sekarang ada juga baiknya umpama *blessing in disguise*. Ekonomi kita bergantung terlalu besar kepada pekerja asing, satu fenomena yang tidak sihat kepada negara kita.

Sekarang kita ada 2.2 juta pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini dan mereka mewakili kira-kira 30 peratus dari keseluruhan 5.5 juta pekerja di sektor swasta. Ini tidak termasuk pekerja asing yang tinggal dan bekerja secara haram.

Ia merupakan satu jumlah yang besar dan ini tidak sepatutnya berlaku dan jumlah ini perlu dikurangkan. Kemasukan pekerja asing dilakukan atas dasar perniagaan. Saya difahamkan ada agensi pekerja asing mengaut keuntungan sebanyak RM2,500 hingga RM3,000 bagi satu kepala.

Kebanyakan agensi ini tidak mengira kemasukan pekerja asing ini akan membebani negara atau tidak. Apa yang penting bagi mereka pekerja asing ini akan terus dibekalkan bagi mengejar keuntungan dan tindakan ini bukanlah satu tindakan yang produktif dan kita perlu melihat semula keperluan pekerja asing ini.

Oleh itu MEF menyarankan agar pekerja tempatan dilatih semula sehingga diberi sijil. Setiap tahun 150,000 pekerja baru akan memasuki dan kebanyakan mereka ini tidak mendapat kemahiran yang bersesuaian, habis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terus bekerja. Amat malang apabila pekerja ini bekerja bersama dengan pekerja asing. Sepatutnya pekerja tempatan bekerja pada peringkat yang lebih tinggi dan dibayar gaji yang lebih baik tetapi kerana mereka tidak mempunyai kemahiran mereka terpaksa berkongsi kerja dengan pekerja asing. Jika kita dapat memberi kemahiran dan

mengeluarkan sijil bersesuaian dengan kemahiran mereka nasib pekerja tempatan akan lebih baik.

Tindakan ini perlu dilakukan pada peringkat nasional berdasarkan kemahiran dan berperingkat-peringkat, contohnya tahap satu, dua dan sebagainya. Kerajaan sepatutnya menanggung secara percuma pengeluaran sijil ini berbanding sekarang iaitu pekerja perlu membayar yuran sebanyak RM300 untuk mendapat sijil. Ini kerana terdapat mereka yang telah bekerja lebih dari 10 dan 15 tahun namun mungkin mereka ini lemah dari segi peperiksaan bertulis namun dari segi kemahiran, mereka sangat mahir.

Bukankah kerajaan pernah melaksanakannya sebelum ini?

SHAMSUDDIN: Memang benar, kerajaan pernah melakukannya sebelum ini tetapi ia tidak begitu efektif. Saya cadangkan dua perkara kepada Kementerian Sumber Manusia, pertama kita memansuhkan yuran berkenaan dan berikan sijil secara percuma atau jika kerajaan enggan memansuhkan yuran berkenaan, mungkin kerajaan boleh tanggung yuran itu kerana ia satu pelaburan jangka panjang yang amat baik untuk ekonomi negara.

Ini kerana ia akan menggalakkan pekerja untuk menyambung pelajaran mereka secara berperingkat-peringkat dari tahap satu ke tahap dua dan seterusnya. Ia perlu bermula dari peringkat nasional kerana selepas ini kita akan dibekalkan dengan pekerja yang cukup piawaiannya. Tindakan ini perlu dilakukan segera terutama dalam keadaan ekonomi sekarang supaya kita mampu menyediakan pekerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai dan kompetitif apabila ekonomi kita kembali pulih nanti. Keduanya kita perlu meningkat penyertaan wanita dalam pasaran kerja yang mampu menyediakan pekerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai dan kompetitif apabila ekonomi kita kembali pulih nanti. Keduanya kita perlu meningkat penyertaan wanita dalam pasaran kerja yang mampu menyediakan pekerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai dan kompetitif apabila ekonomi kita kembali pulih nanti. Keduanya kita perlu meningkat penyertaan wanita dalam pasaran kerja yang mampu menyediakan pekerja yang mempunyai kemahiran yang pelbagai dan kompetitif apabila ekonomi kita kembali pulih nanti.

Ini akan membantu mengurangkan pengangguran 2.2 juta pekerja asing di negara kita. Pada pandangan saya prasarana yang tidak sesuai menjadi punca kenapa wanita tidak mahu menyertai sektor pekerjaan terutama setelah berkahwin dan mempunyai anak. Oleh itu sebagai jalan penyelesaian perlu diwujudkan pusat jagaan kanak-kanak komuniti. Ketika ini kebanyakan pusat jagaan kanak-kanak diuruskan oleh swasta dan satu kaedah seperti koperasi perlu diwujudkan untuk membantu komuniti di sesuatu kawasan membutuhkan sebuah pusat jagaan kanak-kanak yang turut berfungsi sebagai tugas, tadik dan sebagainya.

Bila ini boleh dilaksanakan pastinya harga yang ditawarkan akan lebih murah dan munasabah berbanding sekarang. Ini sekali gus membantu mengurangkan pengangguran kepada pembantu rumah warga asing. Satu lagi perkara yang boleh kita lakukan untuk mengelakkan pengangguran kepada warga asing ialah mengambil semula mereka yang telah pencerun untuk kembali bekerja.

Mereka ini mungkin tidak perlu melakukan pekerjaan seperti golongan muda tetapi cukup dengan kerja-kerja mudah. Saya pernah melihat di Singapura ketika menghadiri satu seminar, beberapa warga emas mereka bekerja mengangkat cawan dan mengantikan botol air hanya untuk tempoh yang pendek.

Di sini kita boleh melihat Singapura menggunakan sepenuhnya pekerja tempatan mereka tanpa perlu bergantung kepada warga asing dan tempoh pekerjaan mereka bersesuaian dengan usia mereka yang telah lanjut. Mereka perlu dikekalkan daripada cukai pendapatan supaya tidak terlalu bergantung kepada anak-anak.

Jika semua cadangan ini dilaksanakan, jumlah pekerja tempatan sudah cukup untuk menampung 2.2 juta pekerja asing yang bekerja di negara ini. Oleh itu pekerjaan yang ditinggalkan oleh rakyat negara ini. Kita hanya perlu membekalkan pekerja asing untuk melakukan kerja-kerja bertaraf rendah sahaja seperti pencuci tandas dan sebagainya.

